

11 JUN 2003

Mahathir-Air

PM MINTA PEMBEKALAN AIR K'JAAN NEGERI DIKAJI SEMULA

PUTRAJAYA, 11 Jun (Bernama) -- Kerajaan negeri telah diminta mengkaji semula sama ada ingin terus memikul tanggungjawab menyediakan bekalan air di negeri masing-masing memandangkan mereka tidak berupaya daripada segi kewangan untuk berbuat demikian, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata kerja membangunkan infrastruktur bekalan air termasuk membina loji baru dan sistem agihan, menelan belanja cukup besar yang menyebabkan kerajaan negeri terpaksa meminjam wang daripada kerajaan pusat.

Beban hutang itu terlalu berat sehinggakan kerajaan negeri "sampai bila-bila" tidak akan mampu membayar pinjaman yang dibuat, katanya.

"Kita cadangkan supaya kita fikir semula tentang tanggungjawab untuk perkara semacam ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri yang turut dihadiri beberapa menteri kabinet di sini.

Dr Mahathir berkata hutang itu hanya boleh dihapus kira jika kerajaan negeri diisytiharkan bankrap. "Tapi ini kita tak boleh buat," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun kadang-kadang penyediaan bekalan air diwastakan, pihak swasta yang berkenaan tidak mampu melaksanakannya tanpa diberikan subsidi oleh kerajaan.

Menurutnya tanggungjawab menyediakan bekalan air diberikan kepada negeri berdasarkan Perjanjian Persekutuan yang dimeterai pada 1957.

Ditanya tentang pandangan menteri besar dan ketua menteri mengenai perkara itu, Dr Mahathir berkata: "Mereka nampak bersetuju kerana mereka tak mampu.

"Bekalan mesti dibuat tetapi mereka tak mampu, mereka terpaksa hutang dan tiap-tiap tahun dalam akaun ditunjuk hutang yang tak dihabis bayar. Macam NPL (pinjaman tidak berbayar) jugalah."

Ditanya sama ada perjanjian baru akan dibuat, Dr Mahathir berkata semua perkara berkaitan akan dibincangkan pada mesyuarat Majlis Air Negara.

Beliau tidak menyatakan bila ianya akan berlangsung.

-- BERNAMA

MAM MAM RON